



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2023

**BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2023
DAN EMOLUMEN BULAN APRIL TAHUN 2023**

1. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2023 pada 30 Mac 2023 dan Mesyuarat LPU secara Edaran Bil. 2/2023 pada 11 April 2023 telah meluluskan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2023 sebanyak RM700.00 kepada staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah (dilantik sebelum dan masih berkhidmat pada 17 April 2023) yang layak terdiri daripada:
 - a. Pegawai lantikan tetap;
 - b. Sementara;
 - c. *Contract of Service (COS)*;
 - d. Pekerja Sambilan Harian (PSH) [berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2022]; dan
 - e. Skim Felo termasuk Felo Penyelidik.
2. Bayaran BKKA 2023 sebanyak RM350.00 turut diberikan kepada pesara yang dilantik semula secara *COS*.
3. Pembayaran BKKA 2023 akan dikreditkan ke akaun gaji staf pada **14 April 2023** bersekali dengan emolumen bagi Bulan April 2023.
4. Pembayaran BKKA ini adalah selaras dengan surat edaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bertarikh 23 Mac 2023 dan 10 April 2023 serta Kenyataan Media YAB Perdana Menteri Malaysia pada 10 April 2023.
5. Semoga dengan pembayaran BKKA ini dapat membantu meringankan beban staf dan pesara bagi membuat persediaan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri 1444 Hijrah tidak lama lagi.

Sekian, terima kasih.

"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)
Pendaftar

12 APRIL 2023

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab